



## KENYATAAN RASMI

### JABATAN KERJA RAYA

#### JKR MALAYSIA SAHKAN KES COVID-19 TERBAHARU DI IBU PEJABAT

JKR MALAYSIA,

JALAN SULTAN SALAHUDDIN, KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 17 September 2020: Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dimaklumkan bahawa seorang kakitangan JKR Malaysia telah disahkan positif COVID-19 pada 16 September 2020 dan telah diwadkan. Pesakit ini telah menjalani rawatan lanjut di Hospital Sungai Buloh, Selangor.

Bagi menangani penularan wabak ini, JKR Malaysia telah mengemukakan senarai nama kontak rapat kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Untuk makluman, kontak rapat di kalangan kakitangan JKR Malaysia telah dan akan menjalani saringan kesihatan serta akan menjalani proses kuarantin di rumah.

Langkah proaktif telah diambil dengan menjalankan proses disinfeksi ke atas ruang pejabat dan kawasan persekitaran. Selain itu, hebahan infografik mengenai tatacara pencegahan jangkitan COVID-19 di tempat kerja telah dibuat kepada warga kerja menerusi laman sosial rasmi, portal dan emel rasmi JKR Malaysia. JKR Malaysia juga sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa untuk sebarang tindakan lanjutan.

JKR Malaysia ingin menegaskan bahawa kami sentiasa memantau perkembangan terkini COVID-19 dan akan melaksanakan sebarang langkah-langkah pencegahan yang diperlukan. Sebarang kesulitan yang dialami sewaktu pelaksanaan langkah-langkah ini adalah amat dikesali dan pemakluman situasi terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**Disediakan oleh,**

**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

17 September 2020

2.30 Petang

